

DYNA COUGH SYRUP

Guaiophenesin (200 mg/5ml)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- Apakah yang ada pada risalah ini**
1. Apakah kegunaan Dyna Cough Syrup
 2. Bagaimana Dyna Cough Syrup berfungsi
 3. Sebelum menggunakan Dyna Cough Syrup
 4. Cara menggunakan Dyna Cough Syrup
 5. Semasa menggunakan Dyna Cough Syrup
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Cough Syrup
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
 10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Cough Syrup

Digunakan untuk melegakan simptom-simptom batuk.

Bagaimana Dyna Cough Syrup berfungsi

Guaiophenesin adalah bahan yang membantu mencairkan mukus dan melembapkan saluran pernafasan, memudahkan penyingkiran mukus yang berkaitan dengan sejuk, selesema dan alahan daripada dada melalui batuk, dan memudahkan pernafasan.

Sebelum menggunakan Dyna Cough Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan Mengandung dan menyusukan anak

Dyna Cough Syrup boleh digunakan jika manfaat melebihi risiko.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Cough Syrup.

- Sebelum mula menggunakan Dyna Cough Syrup

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti pada Guaiophenesin dan bahan lain yang disenaraikan dalam risalah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dyna Cough Syrup

- Berapa banyak harus digunakan
Kanak-kanak di bawah umur 2 tahun: Dos mesti melalui pertimbangan doktor
Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun: $\frac{1}{4}$ hingga $\frac{1}{2}$ sudu teh (1.25 ml hingga 2.5 ml) setiap 4 jam tidak melebihi (15 ml) sehari
Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: $\frac{1}{2}$ hingga 1 sudu teh (2.5 ml hingga 5 ml) setiap 4 jam tidak melebihi (30 ml) sehari
Dewasa: 1 hingga 2 sudu teh (5 ml hingga 10 ml) setiap 4 jam tidak melebihi (60 ml) sehari.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Cough Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan boleh menyebabkan reaksi advers seperti loya, muntah-muntah, pening, sakit kepala atau ruam-ruam

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dyna Cough Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Cough Syrup.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda

Jangan beri Dyna Cough Syrup kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Produk ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai *penylketonutrics* (gangguan metabolismik).

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Dyna Cough Syrup selalunya loya, ketidakselesaan perut dan usus, mengantuk, dahaga, sakit kepala, pernafasan yang terlalu cepat dan paras kalium yang rendah di dalam darah.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Cough Syrup

- Penyimpanan
Jauhi ubat daripada kanak-kanak Lindungi daripada cahaya Simpan di tempat kering di bawah 30°C Pastikan bekas ditutup rapat Goncang sebelum guna

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

DYNA COUGH SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Guaiophenesin (200 mg/5ml)

mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna coklat gelap dengan perisa menthol.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Guaiophenesin

- Bahan-bahan tidak aktif

Raspberry Flavour, Propyl Paraben, Menthol crystals, Sodium Saccharin, Sugar, Glycerin, Purified Water, Propylene Glycol, Liquid Caramel, Sodium Citrate, Methyl Paraben, Rhodigel, Aspartame & Sodium Benzoate.

- Nombor MAL

MAL19920097X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/09/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)130918/00262